

PENDIDIKAN ALAM SEKITAR DALAM PENDIDIKAN ISLAM: PERANAN GURU

Noraziah binti Mhd Yusop dan Latipah binti Sidek

Sarjana Pendidikan Islam, Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
mstazana04@yahoo.com

Abstract

Pendidikan adalah penting untuk mempertingkatkan pembangunan mapan dan memperbaiki keupayaan manusia dalam menangani isu-isu alam sekitar dan pembangunan. Alam sekitar dan pembangunan perlu digabungkan sebagai komponen utama dalam pembelajaran. Bagi mencapai keberkesanan pendidikan alam sekitar, sekolah dilihat sebagai institusi penting dalam meningkatkan kualiti kehidupan dan persekitaran. Menyedari hakikat bahawa terdapat kekurangan dalam kesedaran terhadap aktiviti-aktiviti manusia dengan alam sekitar akibat maklumat yang tidak mencukupi dan tidak tepat, tugas guru sebagai pendidik berperanan menerapkan pendidikan alam sekitar dalam pengajaran dan pembelajarannya. Peranan guru yang dimaksudkan dalam penulisan ini ialah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Peranan guru berasaskan konsep Lima Mim diharapkan mampu membentuk generasi masa hadapan yang menghargai kehidupan dan alam sekitar.

Kata kunci: pendidikan alam sekitar

Pengenalan

Pendidikan alam sekitar merupakan satu bidang kajian tentang interaksi manusia dengan alam sekitar serta cara manusia harus mengurus alam sekitar dengan penuh tanggungjawab demi kesejahteraan manusia (KPM, 2001). Definisi Pendidikan Alam Sekitar menurut Jabatan Alam Sekitar et. al (2004) ialah pembelajaran untuk memahami interaksi manusia dengan alam sekitar dan bagaimana alam sekitar diuruskan dengan bijaksana dan bertanggungjawab ke arah kelestarian hidupan di bumi. Proses ini melibatkan pendidikan tentang alam sekitar, melalui alam sekitar dan untuk alam sekitar.

Pendidikan ini mempunyai matlamat membentuk generasi masa hadapan yang menghargai alam sekitar. Ini kerana keperibadian dan persepsi manusia terhadap alam sekitar dapat dibentuk atau dicorakkan di sekolah. Menurut Abu Bakar Yang (2010), kepentingan pendidikan alam sekitar adalah untuk mempertingkatkan pembangunan mapan dan memperbaiki keupayaan manusia untuk menangani isu-isu alam sekitar dan pembangunan. Pendidikan formal dan tidak formal adalah penting untuk menukar sikap manusia agar mereka mempunyai keupayaan untuk menilai dan menghadapi kepekaan terhadap pembangunan mapan.

Selain itu, menurutnya lagi pendidikan alam sekitar juga bertujuan untuk meningkatkan konsep persepaduan alam sekitar dan pembangunan dalam semua program pendidikan, khasnya analisa ke atas punca isu-isu alam sekitar dan pembangunan yang utama dalam konteks tempatan, berasaskan bukti saintifik yang paling tepat dan punca-punca pengetahuan lain yang sesuai, dan memberi penekanan khas kepada latihan lanjutan untuk membuat keputusan di semua peringkat.

Oleh yang demikian, pelaksanaan pendidikan ini hendaklah dilakukan dengan segera dan sempurna bagi merealisasikan matlamat negara untuk membina masyarakat yang sensitif dan memiliki pengetahuan yang tepat, kemahiran dan nilai terhadap isu alam sekitar dan berupaya memberi sumbangan kepada penyelesaian masalah alam sekitar.

Keperluan Pendidikan Alam Sekitar dalam Konteks Manusia sebagai Khalifatullah

Perspektif Islam terhadap alam sekitar adalah berasaskan al-Quran dan Sunnah. Islam mengajar bahawa alam ini berinteraksi dalam keadaan yang harmoni, dan manusia tidak mempunyai hak untuk mencabulinya sesuka hati. Perspektif ini adalah berdasarkan ajaran tauhid yang menerangkan kedudukan dan peranan manusia di alam ini. Dalam Islam, manusia adalah khalifah yang ditugaskan untuk memakmurkan alam ini. Istilah memakmurkan alam ini adalah merangkumi semua aspek kehidupan manusia, sama ada yang berkaitan dengan hubungannya dengan PenciptaNya, sesama manusia maupun dengan alam sekitarnya. Secara kasarnya menurut Abu Bakar Yang (2010), Islam menekankan hubungan berbagai dimensi antara pelbagai makhluk dan benda, analisis dan rumusan, kesatuan alam sekitar, sintesis dan kesimpulan.

Ini seiring dengan pendapat Zaini Ujang (2008), bahawa tugas melestarikan alam sekitar bukan suatu pilihan tetapi kewajipan yang dituntut Islam. Oleh itu kita sebenarnya berkewajipan untuk memastikan hutan dipulihara dengan baik, pencemaran alam sekitar dihindari, pembakaran terbuka dihentikan dan bil-bil berkaitan perkhidmatan pengurusan alam sekitar dibayar kerana hal tersebut merupakan tanggungjawab setiap individu muslim.

Pendidikan Alam Sekitar di Malaysia

Pelaksanaan pendidikan alam sekitar adalah bertepatan dengan prinsip Falsafah Pendidikan Islam yang menitik beratkan hubungan dengan alam sebagai salah satu komponen utama. Menurut Zawawi Ahmad (1988), pendidikan Islam hendaklah berperanan untuk menanam dan mengukuhkan keimanan manusia dengan menggunakan fenomena alam sebagai bahan yang membantu mendorong akal manusia berfikir dan mencari penyelesaian. Dengan menjadikan alam sebagai bahan untuk menambah ilmu pengetahuan dan memantapkan keimanan, manusia dapat mencapai kemajuan yang lebih terjamin. Ini kerana pemikiran yang mempunyai asas agama sahaja yang mempunyai kuasa membentuk masyarakat yang lebih terjamin. Salah satu cara untuk melaksanakan pendidikan alam sekitar ialah dengan mengintegrasikan pendidikan alam sekitar dengan pengajaran di bilik darjah (Mohd Zohir dan Nordin, 2007). Dalam konteks Malaysia, perkara ini sudahpun diperkenalkan secara rasmi pada tahun 1998 dengan penerbitan Buku Panduan Guru Pendidikan Alam Sekitar merentas Kurikulum untuk sekolah rendah dan menengah oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pendidikan alam sekitar merentas kurikulum memerlukan semua mata pelajaran terlibat dan menyumbang kepada pendidikan alam sekitar.

Menyorot pendidikan alam sekitar di peringkat pendidikan sekolah rendah menurut Sumiati Yusoff (2003), pendidikan alam sekitar disepadukan meliputi banyak mata pelajaran yang berkaitan bidang sosial, budaya dan persekitaran biofizikal untuk melahirkan hubungan yang seimbang dan harmoni bukan sahaja antara manusia dan alam tetapi juga dalam kalangan pelbagai kumpulan etnik di Malaysia. Walau bagaimanapun, tidak terdapat mata pelajaran yang tertentu / spesifik dalam pendidikan alam sekitar dalam kurikulum di peringkat menengah. Kurikulum ini dilaksanakan dalam pelbagai bidang contohnya pendidikan alam sekitar biofizikal diletakkan dalam aliran sains, sementara aspek sosial dan budaya dikategorikan dalam aliran kemanusiaan.

Manakala di peringkat pendidikan tinggi, sebilangan kursus yang menawarkan mata pelajaran alam sekitar bukanlah mata pelajaran wajib dan kebanyakannya diajar di peringkat akhir kursus. Oleh kerana itu, hanya sebilangan pelajar yang mendapat pendedahan berkaitan alam sekitar. Hasilnya pelajar kurang kesedaran dan tanggungjawab alam sekitar dalam diri masing-masing. Oleh itu Sumiati Yusoff (2003), mencadangkan kurikulum yang terancang perlu dilakukan untuk memperbaiki kandungan silibus pendidikan alam sekitar.

Hal ini turut disokong oleh Nor Aznan Mahmud et. al (2010), bahawa sistem pendidikan semasa negara tidak menunjukkan galakan positif kepada pendidikan alam sekitar dalam kurikulum sedia ada misalnya mata pelajaran geografi yang berkait rapat dengan isu-isu alam sekitar tidak lagi menjadi mata pelajaran teras di peringkat menengah atas sedangkan dari segi perkembangan afektif, murid-murid sekolah menengah atas akan membina tingkah laku yang konkrit pada peringkat ini.

Ini bertepatan dengan pendapat Azrina Sobian (2007). Menurutnya, kekurangan dalam sistem pendidikan alam sekitar negara ini boleh dibuktikan dengan melihat keadaan alam sekitar itu sendiri. Paling mudah adalah dengan merujuk kepada kadar kitar semula negara yang masih pada tahap lima peratus sedangkan banyak negara lain seperti Denmark, German, Singapura dan Korea yang telah mencapai tahap 40-45 peratus kadar kitar semula. Kempen kitar semula di Malaysia itu pula bukanlah bermula setahun dua ini tetapi telah mencapai usia 14 tahun lamanya.

Menurutnya lagi, walaupun negara-negara yang disebutkan tadi, terutama negara German dan Denmark, telah mengambil masa selama 20-25 tahun untuk mencapai tahap yang ada kini, ini tidak bermaksud Malaysia berada dalam ruang yang selamat. Sebagai sebuah negara membangun, kita sepatutnya mencapai kadar kitar semula dengan lebih cepat kerana telah ada contoh yang boleh diikuti.

Oleh yang demikian penulis berpandangan bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam perlu memainkan peranan penting dalam pendidikan alam sekitar sebagai manifestasi terhadap konsep manusia sebagai *khalifatullah*. Elemen pendidikan alam sekitar mampu disepadukan dan diajar secara jelas dalam mata pelajaran Pendidikan Islam kerana merupakan mata pelajaran wajib yang diajar di sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia. Semua pelajar Islam wajib mengambil mata pelajaran ini sehingga ke Tingkatan Lima. Penerapan elemen pendidikan alam sekitar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan langkah yang tepat sesuai dengan Falsafah

Pendidikan Islam itu sendiri yang menekankan interaksi yang baik antara manusia dengan Allah, manusia sesama manusia dan manusia dengan alam.

Merujuk kepada kandungan silibus pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), terdapat beberapa sub topik yang menjurus kepada pendidikan alam sekitar. Antaranya Menghargai Sunnatullah (Kefahaman Al-Quran Tingkatan 2), Ihsan Terhadap Binatang (Kefahaman Hadis Tingkatan 3), Manusia Perlu Bersyukur (Kefahaman Al-Quran Tingkatan 4), Adab di Tempat Rekreasi (Adab Akhlak Islamiah Tingkatan 4) dan Adab Memelihara Alam (Adab Akhlak Islamiah Tingkatan 5) (KPM, 2002).

Walau bagaimanapun, terdapat juga sub-topik lain yang boleh disesuaikan dengan pendidikan alam sekitar contohnya Bersuci Asas Kebersihan (Ibadat Tingkatan 1), guru boleh mengaitkan keperluan menjaga alam supaya air yang digunakan untuk bersuci kekal bersih, kepentingan berwuduk dengan cermat dan tidak membazirkan air agar sumber alam tersebut dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dan sebagainya.

Kepentingan Peranan Guru dalam Pendidikan Alam Sekitar

Usaha untuk memberi kefahaman tentang alam sekitar berkait rapat dengan kaedah pengajaran guru dengan pembelajaran murid. (Nor Aznan Mahmud et. al, 2010). Asmawati Suhid dan Abdul Rahman Md. Aroff (2006) menyatakan bahawa guru mempunyai hubungan yang rapat dengan pelajar, isi kurikulum dan aktiviti pelajar. Berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang ada, guru cuba menyesuaikan kurikulum dengan kesediaan pelajar. Seringkali ditunjukkan bahawa gaya pengajaran guru menjadi sebahagian daripada pembelajaran murid. Oleh itu guru bolehlah dianggap memainkan peranan utama dalam pelaksanaan kurikulum.

Pos Perkembangan Kurikulum (1996) mengatakan bahawa, pengintegrasian Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum mesti diterapkan dalam semua mata pelajaran yang diajar di sekolah. Walau bagaimanapun, proses implementasinya masih berada di tahap yang membimbangkan. Natiyahnya, guru di sekolah hanya mengajar konteks yang terkandung dalam sukanata mata pelajaran dan buku teks kerana faktor kekangan masa. Kajian Mohamed Zohir dan Sharifah Norhaidah (2005), terhadap guru-guru dalam perkhidmatan mendapat daripada 140 guru ($N=104$) dalam perkhidmatan telah dipilih sebagai responden seramai 65.3% responden guru menyatakan mereka gagal mengintegrasikan Pendidikan Alam Sekitar dalam pengajaran mereka.

Justeru itu, sebuah lagi kajian telah dilaksanakan oleh Abdul Rashid Mohamed et. al (2006) terhadap 140 guru dalam perkhidmatan melaporkan 90% daripada responden gagal menggunakan atau merujuk kepada buku Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum (1996) semasa pengajaran di bilik darjah.

Menurut Nor Aznan Mahmud et. al, (2010), keadaan ini disebabkan oleh kurangnya kajian dan penilaian program terhadap inovasi dan intervensi dalam sistem pendidikan arus perdana. Meskipun banyak kempen dan inisiatif untuk menggerakkan aktiviti yang berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar seperti kempen menanam pokok bagi setiap warga, sambutan hari alam sekitar, kitar semula, kempen media massa dan penerapan pendidikan alam sekitar merentas kurikulum program-program ini tidak begitu berjaya dilaksanakan. Malahan kebanyakan kurikulum

yang mengkhendaki pendekatan bersepada dilakukan, masih ramai guru yang tidak dapat menguasainya.

Oleh itu dalam menjayakan pendidikan alam sekitar merentas kurikulum, pihak sekolah memerlukan guru yang berkualiti dan komitmennya untuk menyediakan dan melaksanakan tugas mendidik generasi masa hadapan. Apa yang diharapkan adalah peningkatan pengetahuan dan kesedaran terhadap alam sekitar akan dapat mempengaruhi gaya, sikap dan pandangan seseorang terhadap alam sekitar secara positif (Nor Aznan Mahmud et. al, 2010).

Peranan Guru Pendidikan Islam Berdasarkan Konsep Lima Mim dalam Menerapkan Pendidikan Alam Sekitar di Sekolah

Dalam menjayakan pendidikan alam sekitar dalam Pendidikan Islam, peranan guru perlu diberi penekanan. Guru Pendidikan Islam bukan sahaja bertanggung jawab sebagai penyampai ilmu pengetahuan bahkan menerapkan Islam sebagai satu cara hidup dalam pengajarannya.

Seorang guru yang berjiwa *murabbi*, *muallim*, *mudarris*, *muaddib* dan *murshid* akan sentiasa menghubungkan pendidikan sebagai suatu taklif atau amanah yang tinggi. Tugas guru bukan sahaja mengajar atau mendidik, malah ingin melihat anak didiknya memiliki kecemerlangan ilmu dan peribadi. Ini bertujuan supaya apabila mereka berperanan di tengah-tengah gelanggang, kesan perubahan tidak bercanggah dengan fitrah kehidupan (Sidek Baba, 2005). Oleh itu berdasarkan kerangka konsep *5 mim* yang digariskan oleh Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007), *5 mim* yang dimaksudkan adalah merujuk kepada peranan guru Pendidikan Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh agama.

1. *Muddaris* adalah konsep yang diasaskan kepada guru cemerlang yang berkesan. Umumnya, ia dinilai daripada lima aspek utama, iaitu ciri-ciri peribadi yang dimiliki, kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan, kejayaan mewujudkan iklim dan personaliti bilik darjah yang baik, mempunyai kepakaran serta mempunyai kecekapan dan kemampuan membuat keputusan profesional (Syed Najimuddin et. al. 2009)

Dalam mengaplikasikan pendidikan alam sekitar merentas kurikulum, guru sebagai *mudarris* perlu membuat perancangan awal walaupun mungkin penerapan tersebut hanya melibatkan jangka masa yang singkat dua atau tiga minit. Hal ini perlu menurut Mohd Zohir dan Nordin (2007), bagi memastikan guru tahu waktu dan kedalaman isi yang sesuai, supaya tidak menjadi penerangan yang meleret-leret. Perancangan juga melibatkan kaedah dan bahan bantu pengajaran yang berkaitan serta aspek pentaksiran.

Pembelajaran juga akan berjalan dengan lancar, menarik dan berkesan sekiranya guru menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian dengan isi pelajaran dan kemahiran yang akan dicapai oleh pelajar. Guru perlu mempelbagaikan kaedah untuk menyampaikan kandungan pelajaran berbentuk teori dan amali. Strategi pengajaran perlu sentiasa diubahsuai mengikut jangkaan keberkesanan penggunaan sesuatu kaedah. Guru yang berhasrat untuk menjadikan pengajarannya efektif, seharusnya membuat kajian atau penyelidikan mengenai kaedah yang paling sesuai untuk sesuatu isi pelajaran, topik atau kemahiran (Mohamad Johdi, 2007).

Kajian Zamri Mahamod et. al (2007), menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan amat berperanan penting sebagai sumber kefahaman, minat dan komitmen pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Pelajar lebih tertarik kepada kaedah yang kemaskini dan menggunakan peralatan elektronik seperti komputer, internet, powerpoint, dan video. Walau bagaimanapun, guru yang bijak menggunakan gaya tingkahlaku dan intonasi suara, bercerita, memek muka humor, akan tetap menarik minat pembelajaran dan pelajar mengikuti pengajaran secara efektif.

Berkebolehan guru dalam menerangkan secara jelas mengenai sesuatu konsep abstrak dan konkrit perlu dititik beratkan. Perkara abstrak boleh dikaitkan dengan pengetahuan dan pengalaman murid atau sesuatu yang mempunyai persamaan dengan membuat andaian. Guru boleh juga melakarkan dalam bentuk tulisan, gambar rajah atau carta. Penerangan konsep konkrit perlu diikuti oleh perbuatan atau tindakan pelajar demi mengukuhkan konsep yang konkrit dengan objek sebenar. Guru perlu mengelakkan daripada menggunakan bahasa dan penerangan yang berliku-liku, berbelit-belit, perkataan sukar, dan bombastik. Ini bererti penyampaian guru berbeza di antara pelajar sekolah rendah dengan sekolah menengah, pelajar pintar dengan sederhana, dan pelajar normal dengan pendidikan khas. Kepelbagaiannya gaya bahasa dan penerangan yang jelas akan memudahkan pelajar menerima dan memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru seterusnya dapat meningkatkan prestasi pembelajaran.

Sebagai seorang mudarris juga, guru perlu menitik beratkan pemupukan motivasi, minat dan mencungkil sikap ingin tahu pelajar. Para pelajar boleh digalakkan untuk mengemukakan soalan, pendapat dan menunjukcara perlakuan. Menurut Mohamad Johdi (2007), penglibatan para pelajar secara aktif akan menimbulkan minat yang tinggi dan berazam untuk terus berada dalam pembelajaran. Guru perlu mencari faktor-faktor yang boleh menimbulkan minat dalam pengajaran. Ada kalanya faktor ini berbeza-beza di antara satu kumpulan atau kelas pelajar. Apabila guru berjaya mencetuskan minat pelajar-pelajar, mereka bukan saja akan terlibat secara aktif, bahkan sentiasa menunggu-nunggu kedatangan guru berkenaan. Ramai penyelidik psikologi mendapati bahawa minat atau kecenderungan merupakan faktor utama penglibatan serius murid dalam pembelajaran berkaitan alam sekitar.

Hungerford dan Volk (1990); dan Tiwi Kamidin (2007), mencadangkan agar pelajar diberikan peluang untuk merasai sendiri atau pengalaman sebenar mengenai alam sekitar agar minat serta sifat ingin tahu dapat dibentuk supaya pembentukan sikap terhadap alam sekitar lebih kukuh. Ini kerana pendedahan pengetahuan mengenai alam sekitar sahaja hanya dapat mempengaruhi sedikit pembentukan sikap terhadap alam sekitar berbanding pengalaman yang dirasai sendiri oleh pelajar.

Selain itu seorang mudarris yang berkesan perlu berjaya menguasai pengurusan bilik darjah. Keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran amat berkait rapat dengan pengurusan bilik darjah yang berdisiplin, susunan meja dan kerusi yang bersuasana belajar, persekitaran harmoni keilmuan, dan keceriaan wajah ilmuan. Penerapan pendidikan alam sekitar dapat dilakukan seawal guru memasuki sesebuah bilik darjah. Sebagai contoh guru meminta pelajar membersihkan kelas, mengutip atau menyapu sampah atau membuang sampah ke dalam bakul sampah yang disediakan. Keadaan ini akan mencetuskan satu suasana pembelajaran yang bersih dan harmoni. Lantaran sedemikian akan membolehkan guru melaksanakan perancangan pengajaran dengan

berkesan dan pencapaian pembelajaran maksimum.

Ini kerana bilik darjah merupakan medan peranan, tanggung jawab dan amanah seseorang guru dalam melaksanakan akauntabiliti profesionnya. Seseorang guru dikategorikan sebagai efektif apabila pengajaran yang disampaikan mendatangkan kesan positif dalam kalangan pelajar. Tahap efektif guru lazimnya dikaitkan dengan tahap pencapaian pelajar sama ada dalam perolehan pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan apresiasi. Semua ini menjadi *key performance index (KPI)* terhadap keterampilan guru dan guru efektif. Guru berkebolehan menjangkau perlakuan yang akan berlaku semasa pengajaran, berjenaka deduktif dan menggunakan kehadirannya dalam bilik darjah dengan cara terbaik dan sepenuh kebaikan. Aspek ini ditekankan oleh Mohamad Johdi (2007) bahawa faktor terpenting yang memberi input positif kepada pencapaian pelajar di negara maju ialah ‘proses pembelajaran’ di bilik darjah.

2. Muaddib merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk mangasuh, mendidik, membentuk, membimbing, menanam, menyuci, menitis dan menyuburkan akhlak mulia, disiplin, tingkah laku, sahsiah dan seluruh adab sopan dalam pembinaan dan pembangunan diri para pelajar. Proses *ta'dib* ini bersumberkan wahyu Allah SWT. Manakala nilai *ta'dib* yang cuba diterapkan dalam diri para pelajar adalah bersifat mutlak, muktamad, kekal abadi dan suci, serta diasaskan kepada keimanan yang kukuh kepada Allah SWT.

Walau bagaimanapun Zaharah Hussin (2005) dalam merumuskan pendapat Syed Muhammad Naquib al-Attas (1979) lebih menekankan peranan guru sebagai *muaddib* berbanding *murabbi* dan *muallim*. Beliau menggunakan perkataan *ta'dib* untuk menjelaskan erti pendidikan. Menurut beliau, pendidikan Islam adalah lebih tepat berorientasikan kepada istilah *ta'dib*. Ini kerana peranan guru yang paling menonjol, menurut beliau, adalah sebagai *muaddib*. Abdul Raof Dalip (1985, 1993) dan ‘Ulwan (1989) mengatakan guru-guru dalam kategori *ta'dib* perlu sedar dan insaf bahawa mereka sebenarnya menjadi ikutan dan teladan pelajar. Oleh itu, menurut Abdul Raof Dalip lagi, guru-guru tersebut perlu: 1) Menanam dalam dirinya dan juga pelajarnya rasa cinta dan taat kepada Allah; 2) Menanamkan kepercayaan yang benar di dalam jiwa pelajar; 3) Mendedahkan dan memahamkan pelajar mengenai jenis-jenis ibadah yang wajib dilaksanakan; dan 4) Menaikkan semangat pelajar serta menimbulkan minat mereka untuk mempraktiskan ajaran agama sehingga menjadi kebiasaan kepada mereka.

Muaddib menerapkan pendidikan alam sekitar secara berterusan dan istiqamah. Sebagai contoh, sikap mementingkan kebersihan dalam bilik darjah dilakukan berulang-ulang sehingga menjadi tabiat pelajar membudayakan kebersihan sama ada di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Dengan cara ini kebersihan yang diamalkan bukan lagi bersifat mematuhi arahan dan nasihat guru tetapi sebagai satu cara hidup yang sejati.

Selain itu menurut Ibrahim Amini (1997) sifat-sifat terpuji *muaddib* yang lain adalah: 1) Pembersihan atau penyucian diri - para pendidik perlu membersihkan jiwa mereka dari segala bentuk kekotoran (dosa) seperti riak, hasad, ‘ujub dan pemarah, selain para guru perlu memiliki kebersihan lahiriah (antaranya makan makanan yang suci dan

bersih; menjaga kebersihan diri; memakai pakaian yang bersih) dan berperibadi mulia. Ketrampilan guru dalam hal ini membuktikan amalan cara hidup yang bersih dan sihat sebagaimana yang diajarkan kepada pelajar-pelajarnya. Kesediaan guru terlibat dalam program dan projek berkaitan dengan pendidikan alam sekitar seperti Minggu Alam Sekitar, Projek Kitar Semula, pembinaan dan penyeliaan stesen alam sekitar, lawatan dan perkhemahan menunjukkan guru mengambil berat terhadap tumbuhan hijau dan hidupan lain di sekolah, di rumah bahkan dalam masyarakat.

Kesimpulannya, sifat-sifat terpuji yang ada pada guru sebagai seorang muaddib, mampu menjadikan guru sebagai *qudwah hasanah* / contoh teladan yang baik dan ikutan pelajar. Namun tidak ramai guru yang berupaya menjadi contoh teladan kerana tidak cukup persediaan dan pengetahuan.

3. *Murabbi* pula merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk menjaga, membesarakan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah para pelajar serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka secara beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh para pelajar tersebut. Guru berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan para pelajar dari pelbagai aspek (iaitu rohani, jasmani, intelek, emosi dan sosial) agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhhlak mulia menurut kaca mata Islam.

Peranan guru Pendidikan Islam sebagai *murabbi* melibatkan proses mendidik, memelihara dan membentuk pelajar sehingga wujud rasa kasih sayang dan saling percaya mempercayai antara mereka. Antara ciri-ciri guru murabbi menurut al-Ghazali (tt) adalah: 1) Menyayangi pelajar dan memperlakukan mereka seperti anak sendiri; 2) Sentiasa menasihati pelajar dalam segala hal termasuk pembelajaran dan perlakuan mereka; dan 3) Menjaga disiplin pelajar dengan menggunakan Pendekatan Mencegah dan Menegur Secara Baik terhadap perlakuan maksiat dan juga menggalakkan perlakuan makruf secara kasih sayang. Bagi Ahmad Mohd Salleh (1997) pula, antara ciri-ciri *guru-murabbi* adalah: 1) Mengutamakan keselamatan dan kebaikan pelajar; 2) Bersikap adil terhadap pelajar tanpa mengira latar belakang keluarga, keupayaan akademik, dan ekonomi; 3) Merahsiakan maklumat sulit pelajar kecuali kepada yang berhak; dan 4) Bersedia membimbing pelajar serta menunjukkan cara berpakaian, pertuturan dan tingkah laku sebagai contoh yang baik kepada pelajar.

Dalam merealisasikan pendidikan alam sekitar, guru yang murabbi berupaya mencetuskan motivasi dalam diri pelajar untuk sama-sama berperanan dalam menjaga alam sekitar. Sebagai contoh, Kasthuri dan Sharifah Norhaidah (2008) dalam kajian mereka mendapati penggunaan permainan simulasi eksperimental “*Recycle City*” dalam subjek Bahasa Inggeris Tingkatan Empat telah membawa kesan positif terhadap pengetahuan alam sekitar dan skor motivasi dalam pembelajaran Bahasa Inggeris. Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum telah membuktikan hasil inisiatif guru murid telah menerima pengalaman pembelajaran yang bermakna.

Kesimpulannya, menjadi seorang seorang murabbi bukanlah tugas yang mudah walaupun bagi seorang guru pendidikan Islam. Penulis bersetuju dengan pendapat Al-Ghazali seperti yang dinyatakan sebelum ini iaitu guru perlu menghayati tugasnya

dengan sepenuh jiwa dan perlu menyayangi pelajar seperti anak sendiri. Dengan perasaan kasih sayang itulah guru dapat menjadi seorang murabbi, bukan penyampai ilmu semata-mata.

4. *Mursyid* merujuk kepada aspek kepimpinan guru dalam bilik darjah untuk menjaga, menasihati, mengarah, membimbing dan memberi petunjuk kepada para pelajar ke arah pembentukan dan pembangunan diri sebagai insan soleh. Konsep *irsyad* dalam kajian ini lebih memfokuskan konsep kepimpinan Rasulullah SAW dalam proses mendidik dan membimbing para sahabat.

Guru yang *mursyid* ialah guru yang sedia menjadi seorang penasihat yang ikhlas sebagaimana Rasulullah saw dalam proses mendidik dan membimbing para sahabat. Al-Ba’labakki (1995) mendefinisikan penasihat yang ikhlas dalam Bahasa Inggeris dipanggil *mentor*. Menurut Saedah Siraj et.al (1996) *mentor* berperanan sebagai pengajar, penasihat, pendorong dan membantu seseorang di bawah asuhannya untuk berkembang dan mencapai kecemerlangan.

Beberapa aspek peranan guru *mursyid* boleh dilihat dalam layanan seorang *mentor* kepada pelajar-pelajarnya. Kajian ke atas konsep *mentor* oleh Bova dan Philips yang dirumuskan oleh Saedah Siraj et al. (1996) menunjukkan *mentor* memiliki status berikut, iaitu sebagai seorang yang memiliki status yang agak tinggi dan sedia memberikan bimbingan sepenuhnya; Tokoh pemindah yang berperanan untuk perkembangan seseorang iaitu gabungan peranan ibu bapa dan rakan sebaya; Model contoh dan penasihat kepada pelajar; Bertindak sebagai pembimbing, jurulatih, tutor dan pendorong pelajar; Bersifat murah hati, ikhlas, penyayang, mengambil berat orang lain, pendengar yang baik dan mencurahkan rasa hati; Bersifat sentiasa menerima dan bertanggungjawab; Berkongsi impian dengan anak didik dan membina persepsi kendiri yang ceria; dan Orang yang sangat berpengaruh terhadap anak didiknya.

Contoh mudah peranan guru yang *mursyid* dalam pendidikan alam sekitar ialah melalui penglibatan Program 3K Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (Jabatan Alam Sekitar, et. al, 2004). Program 3K ialah Peningkatan Keselamatan, Kebersihan dan Keindahan Alam Sekitar Sekolah anjuran bersama Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kumpulan Utusan Malaysia dan Tetra Pak (M) Sdn. Bhd. Walaupun program ini adalah termasuk dalam aktiviti kokurikulum, guru yang *mursyid* akan menjadikan program ini sebagai wadah untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap alam sekitar. Para pelajar akan dide dahukan dengan pelbagai kepentingan, kaedah dan cara memelihara dan memulihara alam dan dapat merasai sendiri pengalaman tersebut dengan bimbingan guru.

Satu kejayaan yang sangat besar kepada guru sebagai *mursyid* atau *mentor*, apabila berjaya membimbing anak-anak didiknya dan berjaya menghidupkan roh mereka membentuk golongan pelajar yang berakhhlak mulia dan mencintai alam sekitar khususnya dan masyarakat amnya.

5. *Mu`allim* merujuk kepada peranan guru dalam bilik darjah untuk memberitahu, mengajar, memindah dan menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada para pelajar sama ada melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk pengajaran yang dirancang. Proses *ta’lim* merangkumi juga adab berilmu yang akan

mencorak dan mewarnai pembentukan dan pembangunan diri para pelajar sebagai insan soleh.

Sebagai seorang muallim, guru mestilah mempunyai Pengetahuan, Kemahiran dan Kecekapan Bidang. Seseorang guru efektif semestinya mempunyai kecekapan yang mendalam dalam bidang atau subjek yang diajar. Guru perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang komprehensif terhadap bidangnya. Guru seharusnya sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam subjek diajar agar sentiasa kemaskini, menarik, bertenaga dan inspirasional. Ada kalanya pelajar bertanya perkara melebihi sukanan pelajaran atau kurikulum yang tertera dalam buku teks. Sekiranya guru berkebolehan menjawab dengan tepat bersama fakta dan bukti kukuh, pasti akan menimbulkan minat, keyakinan dan kecenderungan pelajar untuk mengikuti lanjutan epistemologi disiplin tersebut. Lebih menarik dan efektif sekiranya guru dapat menghidupkan ilmu berkenaan dan mengaitkan dalam kehidupan pelajar. Pelajar akan melihat dan menilai ilmu yang dipelajari adalah berguna untuk dirinya pada masa ini dan akan datang (Mohamad Johdi, 2007; Mohd Zohir dan Nordin, 2007).

Pengetahuan dan kecekapan guru akan teruji apabila mengendalikan persoalan pelajar. Justeru sesetengah guru cuba mengelak daripada soalan pelajar. Natijahnya, menurut Mohamad Johdi (2007), jika guru gagal untuk menjawab pertanyaan pelajar atau sentiasa menangguhkan jawapan, pelajar kurang berkeyakinan kepada guru tersebut dan hilang minat. Lebih-lebih lagi jika guru sentiasa menghalang para pelajar daripada bertanya perkara yang di luar kurikulum, sedangkan pelajar berminat untuk mengetahui, berkemungkinan mereka kehilangan kecenderungan untuk bertanya dan hilang minat untuk mempelajari subjek yang diajar oleh guru berkenaan. Jika halangan dan gangguan terhadap perkembangan pelajar berlanjutan, situasi ini akan mengakibatkan perencatan dan pembunuhan minat mereka untuk belajar.

Menurut Samsudin Md Noor (2008) lagi, gerak kerja guru yang menampakkan kecemerlangan dalam melaksanakan tugas juga dapat mempengaruhi minat murid terhadap guru. Guru sewajarnya memiliki keperibadian yang tinggi, berpengetahuan luas tentang tajuk yang hendak diajar, serta berkemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran, cemerlang dalam mengurus bilik darjah dan menampakkan personaliti yang optimum, berupaya meningkatkan prestasi murid dan bijak mengawal disiplin akan meningkatkan keyakinan murid terhadap kemampuan guru. Penulis bersetuju dengan pandangan Zamri Mahamod et al (2007) bahawa, guru berkesan ialah guru yang sentiasa mengikut perkembangan semasa dalam sistem pendidikan. Beliau menggariskan beberapa ciri guru berkesan antaranya ialah memiliki personaliti terpuji, mempunyai pengetahuan akademik yang tinggi dalam mata pelajaran.

Pada pandangan penulis, seseorang guru perlu mempersiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang sewajarnya sebagai persediaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ilmu yang sedia ada perlu dikukuhkan dari semasa ke semasa agar mampu mengendalikan para pelajar dengan baik. Apatah lagi jika seseorang guru telah lama berkhidmat, ilmu dan kemahiran yang diperolehi di maktab atau di universiti dulu telah semakin pudar dan tidak bersesuaian dengan kehendak pendidikan pada masa kini. Justeru, ilmu dan pengalaman yang ada pada seorang guru perlulah seiring dengan keperluan pelajar dan pendidikan.

Kesimpulan

Peranan guru berasaskan konsep Lima Mim yang dibincangkan perlu berjalan seiring dan seimbang dalam diri seseorang guru Pendidikan Islam. Ciri-ciri ini tidak dapat bertindak secara terpisah atau berasingan bagi memastikan generasi hadapan yang dilahirkan seimbang dan harmoni seiring dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara. Sebagai pendidik muslim, guru seharusnya menjadikan peranan membentuk generasi masa hadapan yang menghargai kehidupan dan alam sekitar sebagai salah satu matlamat dalam pengajaran yang diterapkan. Kewibawaan pendidik muslim sangat penting dalam usaha melaksanakan tugas mendidik dan memimpin pelajar secara lebih berkesan. Keunggulan dan keluhuran peribadi Rasulullah s.a.w. jika dapat diterapkan dalam setiap diri pendidik akan dapat menjadi *role model* kepada para pelajar.

Rujukan

- Abdul Raof Dalip. (1985). “Peranan guru agama dalam pendidikan”. Kursus ikhtisas guru-guru Agama Islam Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Abdul Raof Dalip. (1993). Teknik pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah menengah. Dlm. Ismail Abd. Rahman (Ed), “Pendidikan Islam Malaysia” (ms. 151-71). Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Abdul Rashid Mohamed, Sharifah Norhaidah Syed Idros & Hashimah Mohd Yunus (2006), “Education for Sustainable Development-Initiatives In Teacher Education”. 2006 ASAIHIL Conference on Education for Sustainable Development [EfSD], Penang, Malaysia, June 19-22, 2006.
- Abu Bakar Yang, 2010, “Pendidikan Alam Sekitar Asas Pengurusan Berhemah”. Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim). [http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=679&cmd=resetall. 29 Julai 2010]
- Ahmad Mohd. Salleh. (1997). “Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi”. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- al-Ba’labakki, Munir. (1995). “Al-mawrid qamus Ingglizi- ’Arabi”. Beirut: Dar Al ’Ilm. Al-Ghazali (tt), “Ihya ’ulum al-din” (4 jld). Kahirah: AI-Masyhad.
- Asmawati Suhid dan Abdul Rahman Md. Aroff (2006), “Kepentingan Persepsi Guru dalam Kurikulum adab dan akhlak Islamiah (AAI)”, Jurnal Pendidikan 2006, Universiti Malaya, 211-223.
- Azrina Sobian.(2007).“Pendidikan Alam Sekitar Berdasarkan Agama”. Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) [http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=1290&cmd=resetall]. 27 April 2010].
- Hungerford, H. & Volk, T. (1990), “Changing Leaner Behaviour Through Environmental Education”. The Journal of Environmental Education, 21(3):8-21.
- Ibrahim Amini. (1997). “Selfbuilding: An Islamic guide/or spiritual migration”. Qum, Iran:Ansariyan.
- Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Pelajaran Malaysia, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia. (2004). “Asas Pembentukan Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar”. Shah Alam, Selangor Malindo Printers Sdn. Bhd.

- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri. (2007). "Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran". Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kasthuri Veratharaju dan Sharifah Norhaidah Syed Idros (2008) "Pengukuhan Pengetahuan Dan Kesedaran Alam Sekitar Melalui Permainan Simulasi Eksperiential". Malaysian Education Dean's Council Journal V2/5.
- KPM. (2001). "Sukatan Pelajaran Pendidikan Alam Sekitar Kursus Diploma Perguruan Malaysia." Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- KPM. (2002). "Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam" KBSM.
- KPM. (2008). "Panduan Kursus Pemantapan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM Tahun 2008". Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Mohamad Johdi Hj. Salleh. (2007). "Guru Efektif dan Peranan Guru dalam Mencapai Objektif Persekolahan Sekolah Rendah: Perspektif Guru Besar", Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang Tahun 2007, Institut Pendidikan International Islamic University Malaysia.
- Mohamed Zohir Ahmad dan Sharifah Norhaidah Syed Idros. (2005). "Kesediaan Guru Pelatih USM dalam Menangani Isu Pembangunan Lestari". Seminar Kebangsaan JPPG 2005, Education for Sustainable Development" at Shangri-La, 28-30 August, 2005.
- Mohd Zohir Ahmad dan Nordin Abd Razak (2007) "Pendidikan alam sekitar di sekolah: Komitmen Guru". Pendidikan Lestari. DP Jilid 7 2/2007 (74-81).
- Nor Aznan Mahmud, Lilia Halim dan Arbaat Harun. (2010). "Penilaian Pendidikan Alam Sekitar Terhadap Literasi Alam Sekitar Dalam Kalangan Guru Pelatih IPGM". Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah. Jilid 1 Bil. 1 2010.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1996), "Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum", KBSR. & KBSM. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Saerah Siraj, Zainun Ishak, & Tunku Mohani Tunku Mokhtar (1996) "Motivasi dalam Pendidikan". Kuala Lumpur: Utusan.
- Samsudin Md Noor (2008), "Amalan Pengajaran dan Pembelajaran ke arah Peningkatan Prestasi Guru Cemerlang Gred Khas C". Panduan Kursus Pemantapan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM Tahun 2008. Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Sidek Baba (2006), "Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia". Shah Alam. Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Sumiati Yusoff (2003), "The Need For Emphasis On Environmental Education For National Development In Malaysia". Jurnal Masalah Pendidikan Jilid 26. Hal. 75-82
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman &, Mohd. Sabri Mamat (2009), Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. Journal Of Islamic And Arabic Education 1(2), 2009 31-50
- Tiwi Kamidin (2007), "Keberkesanan Program Pendidikan Alam Sekitar Institut Perguruan Batu Lintang". Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang Tahun 2007. Institut Pendidikan International Islamic University Malaysia. 1-13.

- ‘Ulwan, Abdullah Nasih (1989), “Pendidikan anak-anak dalam Islam” (2 jld., Cet. 3, Syed Ahmad Semait Terj.). Singapura: Pustaka Nasional.
- Zaharah Hussin (2005), “Mendidik Generasi Berakhhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam”. *Masalah Pendidikan*, 28 . pp. 79-94.
- Zaini Ujang (2008) “Dasar alam sekitar Malaysia: The Way Forward”. Kertas Seminar Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI).
- Zamri Mahamod, Mohamed Sani Ibrahim & Norasmah Othman (2007) “Profesionalisme Guru Novis”. Bangi. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zawawi Ahmad (1988), “Teras dan Falsafah Pendidikan Islam”. *Jurnal Pendidikan Islam*. Tahun 2 Bil. 8 Ogos 1988. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).